

Hotel siap tampung 'banjiran' pelancong



MEMINGKATKAN SEMANGAT BAGI SUKAN SEA: Pekerja dan tamu Hotel Grand Copthorne Waterfront menyertai demonstrasi silat yang diketuai Encik Mohammad Shah (tengah) yang merupakan pembantu jurutera hotel tersebut dan Timbalan Presiden Persisi. – Foto MILLENIUM COPHTHORNE HOTEL

► **ANISA ABDULLAH**
aanisa@sph.com.sg

RIBUAN pelawat dari luar negeri yang terdiri daripada pelancong, atlet dan media dijangkakan tiba bagi Sukan SEA ke-28.

Beberapa hotel yang terletak berdekatan kawasan di mana sukan temasya diadakan seperti Stadium Negara, Singapore Expo dan Stadium Jalan Besar, sudah pun bersedia sedia menampung 'kebanjiran orang' yang mencari tempat penginapan bagi memudahkan perjalanan mereka ke lokasi masing-masing.

Bagi pihak Hotel Capri by Fraser di Changi City, Sukan SEA ke-28 merupakan kali pertama mereka terlibat dalam temasya tersebut sejak dibuka pada 2012.

Hotel yang mempunyai 313 bilik itu dinamakan sebagai salah satu daripada 16 'hotel penyokong' temasya sukan ini.

Pengurus umum Hotel Capri by Fraser, Encik Vernon Lee, berkata Capri sudah "siap menyambut pelancong, atlet dan pihak media luar negeri yang akan datang" bagi acara tinju, chinlone, judo, wushu, pencak silat, sepak takraw dan taekwondo, yang akan diadakan di Singapore Expo yang terletak hanya 750 meter dari hotel tersebut.

Antara pelbagai kemudahan yang disediakan Hotel Capri ialah dapur kecil yang lengkap perkasas dapur dan ketuhar gelombang mikro.



BERSEDIA MENAMPUNG TETAMU SUKAN SEA:

Encik Ray Hua (kiri) dan Vernon Lee dari Hotel Capri by Fraser di Changi City berusaha memastikan perkhidmatan disediakan akan menyebabkan tetamu luar negeri rasa seperti mereka berada di rumah sendiri. – Foto ANISA ABDULLAH

Pengarah Jualan dan Pemasaran Hotel Capri, Encik Ray Hua, berkata atlet yang ingin "mengawal diet mereka dengan teliti boleh memasak makanan sendiri".

"Tiada sekatkan bagi jenis makanan yang ingin dimasak, teresah kepada atlet dan keperluan diet mereka," tambah Encik Hua.

Kolam renang hotel itu juga mempunyai satu-satunya treadmill hidro yang sesuai ba-

gi atlet yang menghadapi kecederaan di bahagian kaki mereka.

Ada juga gimnasium yang akan dibuka 24 jam sehari.

Turut bersedia sedia menampung tetamu dari luar negeri ialah Hotel Aqueen Laverder yang terletak berdekatan Stadium Jalan Besar.

Eksekutif Hubungan Tetamu, Encik Peter Yeo, berkata hotel itu telah memastikan semua tetamu dimaklumkan mengenai ketibaan Sukan SEA ini.

Bagi hotel rasmi seperti Hotel Grand Copthorne Waterfront dan Copthorne King's Singapore, persiapan lanjut juga dibuat bagi memastikan semangat Sukan SEA akan berkekalkan tinggi bagi tetamu dan pekerja hotel mereka.

Hotel Grand Copthorne Waterfront mengadakan demonstrasi silat pada hujung bulan lalu dengan 50 pekerja dan tetamu telah mencuba pergerakan silat yang diketuai pembantu jurutera hotel tersebut, Encik Mohammad Shah, yang juga Timbalan Presiden Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Hotel Copthorne King's Singapore pula telah mengadakan latihan dandanan diri dan etika budaya.

"Hotel kami mewakili Singapura. Sebab itu, kami bertekad mengutamakan mutu perkhidmatan yang tertinggi bagi memastikan tetamu sentiasa selesa," jelas Pengurus Umum hotel tersebut, Cik Jeane Lim.



PASUKAN SILAT SUDAH BERSEDIA: Pasukan silat nasional tiba di Hotel Grand Copthorne Waterfront petang semalam. – Foto TAUFIK A. KADER

Pesilat Singapura tidak sabar bertanding

► **SITI AISYAH NORDIN**
naisyah@sph.com.sg

PERASAAN gementar pasti ada, namun semangat yang membara dalam diri setiap anggota pasukan membuat mereka berasa tidak sabar mahu bertanding.

"Sudah tentunya kami bersedia, jika tidak kami tidak akan berada di sini untuk bertanding," ujar kapten pasukan silat nasional, Muhammad Shakir Juanda, 27 tahun, semasa ditemui semalam di Hotel Grand Copthorne Waterfront iaitu tempat mereka menginap sepanjang tempoh acara Sukan SEA.

Seramai 14 pesilat bakal bertanding dalam 13 kategori dari 10 Jun hingga 14 Jun ini bagi acara tersebut.

Muhammad Shakir menambah baha-

wa memandangkan acara kali ini diadakan di Singapura, ramai ahli keluarga dan kenalan bakal hadir bagi memberi sokongan dan ada di antara pesilat sudah merasakan lebih tekanan.

"Saya beritahu mereka bahawa anggap kehadiran mereka (keluarga dan kenalan) sebagai sesuatu yang dapat mem bakar lagi semangat agar melakukan yang terbaik bagi membanggakan mereka dan juga seluruh Singapura," ujar beliau.

Sebagai mesej kepada pesilat, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alau'ddin Yacob Marican, berkata:

"Mereka harus ada semangat bagi menjuarai pertandingan ini dan bersungguh-sungguh dan bermati-matian. Ini yang saya harapkan daripada pesilat kami."